




Imam

Abdullah Hussain

Download now

Read Online ➔

Imam

Abdullah Hussain

Imam Abdullah Hussain

Imam Details

Date : Published 1995 by Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

ISBN : 9789676104991

Author : Abdullah Hussain

Format : Paperback 705 pages

Genre : Religion

 [Download Imam ...pdf](#)

 [Read Online Imam ...pdf](#)

Download and Read Free Online Imam Abdullah Hussain

From Reader Review Imam for online ebook

Nisah Haron says

Perbincangan yang sangat luar biasa tentang Islam dan aplikasi oleh SN Abdullah Hussain. Mesti dibaca oleh semua orang yang mengakui dirinya Islam. Inilah kehebatan pengarang yang menulis bukan kerana mahu menang sayembara. Dia menulis dengan sepenuh jiwa dan raga (selama lebih 3 tahun) dan dia benar-benar mahu bukunya dibaca umum. Inilah novel yang wajar mewakili istilah 'sastera islam tulen' (jika benar ada istilah demikian).

Baneen says

Mashallah. Absolutely wonderful. Shows true Islam and the injustices held upon it.....

Emily Iliani says

Terlalu amat menggemari setiap idea yang mudah dikemukakan.

Apa perlu selebar ini jalan ceritanya, mungkin tidak.

Tapi setiap penceritaannya menguatkan idea yang sebenarnya begitu mudah; kejumudan orang Melayu.

Sangat mudah untuk jatuh cinta kepada Abdullah Hussain yang mudah ini.

Siti Salha says

Selepas hampir 3 bulan membaca IMAM, akhirnya saya sampai juga ke halaman terakhir. Membaca IMAM ibarat membaca sebuah buku panduan agama Islam. Buku ini sangat bagus!

Basma Hashem says

all time favorite.been visiting public library since then... ages ago.

Rasminya memiliki Imam secara fizikal tanggal 2011. Naskhah setebal 705 halaman itu telah berkali-kali saya khatam. sungguh saya terpesona dengan segala yang dihidangkan penulis.

khutbahnya.

sosok peribadi Imam Haji Mihad.

Islah dan pembaharuan yang kembali disemarakkan.

Masyarakat yang mudah menerima perubahan.
Anak muda yang cenderung kepada fitrah dan berani menghadapi kehidupan.
birokrasi dalam politik.
sengketa dalam kehidupan.
paling unik sistem waqaf yang dijadikan latar.
bacaan yang memberi banyak hikmah dan iktibar

Fuad Syazwan Ramli says

Apa yang berlaku kepada Haji Mihad dalam membawa perubahan adalah kisah yang sudah selalu berlaku dalam dunia hari ini. Seringkali mereka yang ingin membawa perubahan, akan menerima tentangan hebat dari mereka yang kononnya bertanggungjawab untuk menjaga apa yang sudah sedia ada, memelihara status quo dari diganggu-gugat.

Apabila sesuatu pendapat itu diinstitusikan, maka berlakulah masalah apabila ada yang berhajat untuk memikirkan kembali kewajarannya seiring dengan perubahan masa dan keadaan. Dan sudah tentu ia bukan sesuatu yang mudah, apatah lagi apabila ia melibatkan perkara agama. Sesuatu yang pada asalnya hanya pendapat peribadi, yang kemudian diangkat menjadi suara ramai, dihias pula dengan agama, sudah tentu akan dianggap sebagai binaan kekal, ayat-ayat muluk yang dipahat kemas pada batu, tidak boleh diubah lagi. Sedangkan realitinya, sesuatu itu haruslah diikat dengan keadaan setempat, dan haruslah sedia untuk diubah apabila keadaan sudah berubah. Gagal untuk menyedari hakikat ini akan membawa kepada kehancuran dan kebusukan, sebagaimana air yang tersekat, tidak dapat mengalir akhirnya hanya menjadi kolam busuk sahaja.

Babak paling menarik sudah tentunya dialog di antara Haji Mihad dan ahli majlis. Teguran Haji Mihad mengenai raja, mengenai mazhab, mengenai kasta ahli majlis, merupakan teguran juga kepada kita semua. Seorang ahli agama tidak seharusnya menganggap dirinya lebih atas berbanding orang lain. Dia seharusnya sedar bahawa dia hanyalah hamba, dan seharusnya dia merasa insaf tentang letak duduk dirinya. Bukan mengangkat diri di atas orang lain, dengan mendakwa diri sebagai wakil Tuhan. Apabila orang sudah takut untuk berdampingan dengan orang agama, apakah lagi yang tinggal? Orang akan cuba mencari agamanya sendiri, tanpa mengharap lagi manusia separa-tuhan yang mabuk di atas singgahsana sendiri. Maka timbullah pula amarah dari golongan ahli agama ini apabila orang sudah mula mempersoalkan pendapat mereka yang tidak seiring dengan zaman. Dan timbullah pula label melabel dalam kalangan masyarakat.

Novel ini sememangnya membawa mesej penting kepada kita semua, khususnya dalam menguruskan agama dan institusinya. Jangan kita mengangkat seseorang menjadi tuhan, walaupun pada mulut kita menafikan. Sesuatu yang menarik, ketikamana novel Interlok menimbulkan kontroversi, ada persatuan Melayu yang mengurniakan anugerah ketokohan kepada SN Abdullah Hussain. Saya tertanya, adakah mereka ini sudah membaca novel ini yang penuh dengan tempelakan terhadap mereka?

Semoga kita mendapat manfaat yang besar dari penulisan novel ini.

Mealona says

I couldn't remember when actually I read this book. But I read it fast in the same year I read Shit by Shahnnon

Ahmad so it must be in the year 1999.

This is a really heavy book in term of the topic, the content & the language. A very sad, heart-breaking story. I couldn't bring myself to dislike it. It fit perfectly with the country's geo-politic at the time. Gives you some adrenalin rush but well control and beautifully written. Thumbs up.

Iman Danial Hakim says

Kenapa?

Kenapa pengakhiran novel Imam mesti tragis dan menyayat hati? Kenapa orang sebaik dan seprogresif Imam Mihad mesti mati dalam keadaan dibunuh? Kenapa orang faham agama seperti Haji Syamsuri boleh sebegitu kejam memperlakukan saudara kandungnya? Kenapa kuasa dan pengaruh boleh menggelapkan hati manusia?

Kenapa setiap perubahan dan kemajuan memerlukan pengorbanan?

Dan kenapa gemulah SN Abdullah Hussain mampu mengarang cerita sebegini hebat?

Kenapa?

Nadia says

Revolutionary & breathtaking!

Buku ni agak berat, ilmu yg disampaikan juga agak berat. Tetapi amat bermanfaat kpd para pembaca. Mempunyai unsur revolution.

Jiwa Rasa says

<http://jiwarasa.blogspot.com/2005/03/...>

Shaharuddin says

Tajdid

Yazlina Saduri says

Buku ini padat berisi dengan kupasan mengenai kehidupan hamba Allah dan saudara-saudara seIslamnya, yang bersama beliau dan yang menentang; berdepan dan ada juga yang tentang secara baling batu sembunyi

tangan; buku yang sangat memberi kesan. Imam Hj Mihad orangnya berilmu, tidak kedekut ilmu, periang, baik hati, berpandangan jauh, tinggi tahap pemikiran, berani bersuara menentang hujah yang beliau fikir harus diterangkan. Saya juga masih terlalu banyak yang tidak tahu berbanding yang tahu, bab agama juga masih terlalu nipis, namun pembawaan Imam Hj Mihad ini betul nyaman dibaca, serasa seperti angin dingin yang memberi ketenangan dan merungkai kekusaran. Bahagian yang agak dragging bagi saya adalah waktu beliau di temuduga Majlis; wakil yang dua orang itu, walaupun mungkin mereka mungkin lebih benar dan bertaulah membawa kebenaran, bila cara menangani hujah begitu negatif, tebal unsur bangga diri, agak bongkak, tidak boleh terima kritikan, ... memang pasti sukar masuk dengan golongan muda. Mungkin orang yang macam mereka dalam dunia sebenar fikir, tak heran apa orang lain fikirkan, mereka yang berkuasa, jadi ikut atau "dilepaskan". Orang yang seperti Hj Shamsuri, pasti begitu ramai di kalangan kita; belajar ilmu agama tetapi nafsu dengki, sombong, amarah sebatan dan kerap melangkaui imannya.... Pengakhiran cerita tragik dan tak disangka.

©lukisan athirah espada says

Kerana ego, tamak, cemburu dan hasad dengki pelbagai boleh terjadi, termasuk membunuh. Inilah yang terjadi dalam masyarakat kita sekarang. Pada mereka orang lain tiada hak untuk menikmati kehidupan jauh lebih baik dan bagus dari mereka. Menjatuhkan bangsa sendiri demi maruah diri. Yang boleh kita pelajari dari novel ini jika kita ikhlas dalam melakukan kerja dan bersungguh-sungguh Allah akan sentiasa membantu dan memberikan rahmat serta rezeki tanpa disedari. Sikap sabar kunci terbaik.

Azlan Musa says

Sebulan akhirnya selesai membaca buku yang tebal ni. Yang tak selesainya adalah banyak perkara-perkara yang perlu diteliti semula, dikaji dan ditanya. Banyak yang dipelajari dan banyak yang perlukan rujukan lebih lanjut. Ini satu buku yang amat bagus. Al-Fatihah...

Mohd Ismail says

The book of supreme.

Momentum: 3.5/5. Tidak terlalu beban minda untuk meneruskan bacaan walaupun setiap bab agak panjang. Saya ambil masa 2 minggu untuk habiskan 700ms. $700/14=50$ ms setiap hari.

Tingkat Bahasa: Sastera sederhana. Sesuai untuk pembaca matang.

Ulasan: Buku ini saya kira boleh dijadikan rujukan agama bagi sesiapa yang ingin mengenali Islam dengan cara yang sebenar, sesuai dengan suasana budaya negara kita yakni nusantara, terutama dalam aspek akhlak. Tak salah juga untuk saya syorkan buku ini dijadikan sub-rujukan (tambahan kepada kitab2 yang sebenar hasil karangan imam2 muktabar) bagi imam2 yang bakal mengetuai masjid/surau. Tapi kene rajin membaca la kalau nak cakna. Ibarat kitab agama yang dinovelkan, tapi tiada candu2 mengkhayalkan seumpama cinta hanyut entah kemana dan seumpama.

Ulang Baca: Ya. Berkemungkinan melebihi 2x terutama di bahagian Haji Mihad disiasat oleh pegawai agama.

Difilemkan: Sangat perlu untuk mendidik rakyat terutama golongan pendidik. Tak semua rajin baca, tambahan tebal buku ni 700ms. Filem adalah jalan terbaik, tambah lagi dengan pelakon otai yang mampu

menarik golongan dewasa untuk menonton. Dijangka mengundang kontroversi dikalangan 'bijak pandai' agama, ustaz2 segera dan seumpama. Tapi Kebenaran tidak mengenal redha manusia, Kebenaran hanya mengenal redha Allah.

Disclaimer: Saya hanya membuat ulasan berdasarkan ilmu saya yang masih sempit dan terbatas. Lebih kepada pandangan peribadi dan bukan untuk umum. Background pendidikan bukan dalam bidang sastera, jadi sesuatu bacaan yang terlalu berat sasteranya sehingga terlalu payah untuk difahami akan saya nilai sekadarnya, tepat menurut hati dan akal saya. Setiap pandangan saya yang menampakkan sisi negatif atau kelemahan terhadap sesuatu tidak melambangkan lalu menjejaskan kredibiliti sebenar penulis ataupun yang berkaitan dengannya.
